

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	7 SEPTEMBER 2016

“Kalau sekadar nak menyokong isu MKN ini satu sahaja, satu kenyataan media sudah cukup daripada pihak Tun Mahathir. Mungkin itu (sokongan kes MKN) kenyataan politik yang dikeluarkan tapi hakikatnya lebih besar,” katanya. Melihat kepada suasana itu, beliau melihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) perlu segera mengambil peluang memainkan peranan atas pertemuan itu.

“Saya lihat Bersatu ini agak perlahan dalam gerak kerjanya. Sebelah Anwar memang sudah lama bergerak tetapi di sebelah Tun Mahathir ini nampaknya...kalau Parti Amanah Negara (Amanah) sebelum diumumkan penubuhan lagi, mereka sudah buat kerja. Bersatu ini sudah memohon untuk daftar pun tapi kelihatan masih tidak bergerak lagi. Bersatu kena tunjuk bahawa parti itu hidup,” katanya.

Beliau yang melihat pertemuan itu sebagai bukti dalam politik tidak ada kawan atau musuh selamalamanya juga percaya Mahathir mengiktiraf Anwar itu mempunyai pengaruh yang besar dalam politik Malaysia.

“Dan untuk mencapai agenda Tun Mahathir, memang sokongan Anwar itu diperlukan.

“Mungkin kedua-duanya tak setuju antara satu sama lain sepenuhnya namun yang penting sekarang musuh mereka sama,” katanya. Mengulas kemungkinan ada penyokong yang tidak berkenan dengan pertemuan itu, Wan Saiful berkata, penyokong tidak ada keperluan untuk berbaik-baik antara satu sama lain.

“Mungkin ada yang tidak selesa, rasa tidak setuju kerana mereka ini seteru sekian lama tapi sekarang ini, ada musuh yang lebih besar daripada mereka berdua.

“Penyokong boleh kekal dengan pendirian mereka cuma perubahannya dengan pertemuan ini ialah musuh kedua-dua pihak itu menjadi sama iaitu Datuk Seri Najib Razak (Perdana Menteri). Saya rasa dalam politik itu yang penting.

“Selagi mana musuh yang nak dilawan adalah entiti yang sama, pihak yang satu lagi ini tidak perlu berkawan pun, hanya perlu melawan musuh yang sama,” katanya.

Sumber: www.sinarharian.com.my